

52
Jilid III
Bil. 4



Hari Khamis
6hb Mei, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

Jilid III
Bil. 4

Hari Khamis
6hb Mei, 1976



LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

KANDUNGANNYA

USUL DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 9—Samb. [330]
PENANGGUHAN [348]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KETIGA

MESYUARAT YANG PERTAMA

Hari Khamis, 6hb Mei, 1976

HAZIR :

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, P.U.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
" " Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" " Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.M.N., J.P.)
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah, J.P.)
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
" " Kawasan Paya Terubung (Encik Khoo Teng Chye)
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" " Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
" " Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TIDAK HAZIR

- " " Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt)

DOA.

Dewan bersidang semula pada jam 9.31 pagi.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Yang Dipertua, saya bangun menyokong Usul yang telah dibawa oleh Ahli Kawasan Penaga dan telahpun dipercakapkan satu demi satu oleh Ahli-ahli yang ada hari ini, samada dari pihak Kerajaan atau pihak Pembangkang.

Datuk Yang Dipertua, kami rasa bertuah dengan adanya seorang Gabnor yang telah faham dalam selok-belok, lagipun sudah ada beberapa Gabnor dan sekarang ialah Gabnor yang keempat. Walau bagaimanapun keadaan-keadaan di antara Gabnor-gabnor ialah memberi pimpinan pentadbiran Negeri Pulau Pinang ini supaya berjalan dengan baik.

Dalam ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor mengenai kembalinya ke Rahmatullah Tuan Yang Terutama bekas Gabnor Negeri Pulau Pinang, Tun Syed Sheh Barakbah, begitu juga bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, memang kita berasa sedih dan dukacita, lebih-lebih lagi kepada Tun sendiri yang kita mempunyai satu kasih sayang yang penuh; tetapi apakan daya yang lebih daripada Tun pun kita kasih, tetapi tidak dapat tinggal di dunia selama-lamanya. Maklumlah manusia mana juga bila sampai waktunya habis—kalau asal tanah pulang ke tanah—tidak dapat dipertahankan kerana ini adalah kemahuan pihak Pencipta: DaripadaNya datang, kepadaNya dikembalikan. Mahu tak mahu terpaksa ikut. Sekadar yang kita beri takziah pada masa-masa yang lalu dan kita berasa dukacita juga oleh kerana belum sempat dilaksanakan cita-cita yang diidamkan oleh Tun.

Walaubagaimanapun bak kata pepatah Melayu, "Patah tumbuh hilang berganti". Daripada mula kita berasa gembira. Kedudukan Malaysia kita ini daripada mulanya ada pemugarnya dan ada penuntut-penuntut tetapi bukan penuntut sekolah—menuntut hak kepunyaan untuk kembali balik semula iaitu untuk kemerdekaan. Ada pihak

yang membina, jadi kita berasa bangga oleh kerana ada anak pemugar. Barangkali Ahli Yang Berhormat tak tahu apa dia anak pemugar, Onn bin Jaafar, Datuk, adalah penggerak dan pemugar. Setelah berjalan beberapa tahun, kalau tak silap saya tahun 1951, dia meninggal, datang pula barisan yang kedua iaitu pihak yang berjuang menuntut kemerdekaan. Jadi kita boleh sifatkan yang pertama "Bapa Pemugar, yang keduanya ialah "Bapa Kemerdekaan" dan datang kepada Tun iaitulah "Bapa Pembangunan". Kita berasa bangga kerana daripada bapa yang memugar datang pula anak di akhir ini. Setelah dipugar setelah dibina dan dibangunkan, maka datang pula anaknya lagi untuk menghias lagi keadaan kedudukan masyarakat kita ini. Jadi kita berasa megah dengan adanya bapa pemugar datang anak balik untuk menyelesaikan perkara apa yang ada sedikit sebanyak krisis-krisis, oleh itu boleh dikatakan lengkap.

Dalam ucapan Gabnor kalau kita teliti, kalau kita halusi dan kita baca dengan teliti dengan benar, sebenarnya macamana kata syair:

"Jiwa negeri dibuka dengan istiadat,

Peresmian dibuat mengikut adat,

Ucapan Gabnor penuh dan padat,
Sehingga disebut dadah dan madat."

Lengkap apa yang telah disebut satu persatu tetapi ada juga yang telah diperkatakan, disebut oleh seorang Ahli—saya lupa dari mana—barangkali dari Sungai Acheh, kalau tak silap saya, dalam ucapannya ada disebut masalah petani-petani dan penderitaan nelayan. Tetapi walaubagaimanapun kalau kita selidiki dari ucapan Tuan Yang Terutama adalah boleh dikatakan lengkap dan saya mengambil secara ringkas, dalam ucapan Gabnor diterangkan keadaan kedudukan pemerintahan negeri, turun ke tempatan dan menurun kepada Jawatankuasa Muhibbah, Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat, RELA dan Rukun Tetangga dan boleh dikatakan telah disebut satu persatu. Ucapan tak dapatlah disebut dengan satu persatu dengan huraiannya, cuma diterangkan

apa yang ada: Kelengkapan-kelengkapan, badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan untuk menjalankan kerjanya itu.

Pendek kata kalau sebenarnya, kita ini bukan sekadar Ahli Dewan ini sahaja, tetapi seluruhnya samada Ahli Dewan atau kakitangan Kerajaan ataupun rakyat jelata seluruhnya, kalau kita memegang di atas prinsip yang telah diletakkan oleh pencipta seluruh alam iaitu Tuhan, bila kita buka Dewan, kita bangun dan Tuan Speaker membalas doa: 'Ya Allah Ya Tuhan ku, ' diletakkan satu dasar yang tidak dapat kita tolak bahkan terpaksa kita buat kalau kita berkehendakkan keadaan alam dunia ini aman, damai dan tenteram. Cara Melayunya, tiap-tiap seorang di semua peringkat adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan dengan sepenuh-penuhnya dan dengan sedaya-upayanya di atas apa-apa keadaan yang ada padanya dan menjadi tanggungjawab yang tidak boleh dielakkan sama sekali. Ini dasar yang ditetapkan oleh pencipta seluruh alam dan masing-masing akan bertanggungjawab kalau tidak ditunaikan. Apa yang berlaku kepada kita sekalian, inilah puncunya. Kadang-kadang kita dapat bila dalam sesuatu dewan mesyuarat, bukan sahaja Dewan Negeri tetapi di mana juga, tumbuh bermacam-macam soalan, percakapan-percakapan dan lain-lain; sebenarnya kadang-kadang berlaku perkara-perkara yang tidak patut di bawa dalam Dewan ini kerana lapisan pentadbiran tidak ada. Kadang-kadang ada perkara-perkara boleh dibawa atau boleh dicakapkan dalam tindakan. Manakala dibahas dalam tindakan, tindakan daerah akan membawa kepada Kerajaan Negeri dan tiap-tiap daerah itu ada wakil-wakil rakyat. Jadi lapisan-lapisan yang diletakkan itu samada bagi pihak kemajuan, penyeliaan ataupun pihak agama, semuanya telah diatur sekadar untuk menjalankan sesuatu yang dikehendaki di tiap-tiap peringkat. Kalau bagi pihak kemajuan, pentadbiran daripada Jawatankuasa Kemajuan Kampung naiklah hingga sampai kepada Dewan Negeri kita ini. Kalau dalam hal ehwal agama

pula, daripada jawatankuasa Qariah naik sampai kepada Jabatan Agama tiap-tiap bahagian yang menjalankan pentadbiran hingga terus lagi besar kepada negeri kita ataupun dibawa kepada pihak Duli Yang Maha Mulia yang memegang kuasa agama juga. Jadi pendek kata telahpun diatur dan disusun dengan lengkap, tetapi seperti yang dimaklumkan, untuk memenuhi nafsu manusia ini tidak siapapun boleh buat sekalipun kalau diberi layanan yang sepenuh-penuhnya, diuruskan pentadbiran negeri dengan kehendak-kehendaknya dengan sepenuhnya juga tidak dapat dipenuhi. Nafsu manusia ini, yang boleh memenuhinya ialah manakala tanah sudah masuk dalam mulut—ertinya masuk ke tanah. Bila tanah sudah masuk dalam mulut itu barulah habis nafsu. Itu yang menyebabkan keadaan kedudukan kita ini selalu timbul rasa tidak puas oleh kerana sifat padaan tidak ada.

Bagi saya sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, mengucapkan terima kasih banyak di atas kedudukan ucapan yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama menyebut tentang mesjid. Ini juga tuah. Seluruh negeri dalam Malaysia sudah ada Mesjid Negeri, malangnya Negeri Pulau Pinang tidak ada, maklumlah negeri ini di bawah jajahan atau takluk British. Jadi saya rasa inipun satu tuah juga. Ini tuah Tuan Yang Terutama Gabnor yang keempat. Sungguhpun dahulu daripada itu, dari masa Tuan Yang Terutama Tun Syed Sheh Barakbah telahpun bermula perkara itu tetapi boleh jadi bangunan yang akan dibangunkan dengan perbelanjaan \$4 million lebih bagi Mesjid Negeri adalah untuk masa Tuan Yang Terutama Gabnor yang keempat. Itu juga tuah.

Satu lagi perkara yang patut saya cakapkan, dalam Negeri Pulau Pinang ini ada 176 buah mesjid. Negeri ini tidak besar dan tidak luas, bak kata orang Melayu atau orang-orang tua dahulu, "tanah selalu sekangkang kera", sebab negeri kita kecil. Dengan begitu kecil dan sempit tanah Negeri Pulau Pinang ini tetapi mesjidnya 176 buah. Jadi mengapa hendak dibina sebuah lagi untuk menjadikan 177?

Kalau sepintas lalu kita fikirkan ianya membuang wang, tidak berfaedah sebab bukan dengan harga tiga atau empat puluh ribu atau dua atau tiga ratus ribu, tetapi ini \$4 million lebih. Kalau hendak dihitung pula dengan tanahnya, perbelanjaannya cukup lebih; boleh jadi kalau benar-benar hendak dihitung dengan tanah semua sekali boleh jadi \$7 million atau \$8 million, iaitu mengikut keadaan. Jadi begitu banyak pada pandangan kita sekalian perbelanjaan yang hendak digunakan bagi sebuah bangunan beribadat, sebuah Mesjid Negeri, sebab Islam ialah agama utama dalam Malaysia ini termasuklah Negeri Pulau Pinang. Sungguhpun 176 buah mesjid sudah ada, yang ke 177 inilah yang akan mengendalikan 176 buah mesjid yang lain. Itu pada hakikatnya. Oleh kerana banyak yang telah memahami, samada orang Islam ataupun orang yang bukan Islam, banyak yang memahami bahawa Uagama Islam ini adalah semata-mata menjalankan perkara ibadat sahaja, selalu diperkatakan oleh pihak-pihak pemimpin, kadang-kadang para bijak pandai dan intelek-intelek, sebenarnya tidak faham hakikat yang sebenarnya kalau diambil. Kita tahu bila sampai kepada bulan Rabiulawal kita dapat cuti resmi bukan di Pulau Pinang sahaja tetapi di seluruh Malaysia mendapat cuti am. Apa buat kita cuti? Bukankah merugikan kerja-kerja di pejabat dan lain-lain, lebih-lebih lagi di pejabat? Satu hari kita tinggal bila masuk ke hari yang kedua kerja bertimbun, jadi buat apa kita cuti? Begitu juga cuti-cuti yang lain yang berkaitan dengan uagama seperti Muharram.

Saya suka menyampaikan sedikit dalam hakikat yang sebenarnya Mesjid Negeri yang akan dibangunkan itu kerana di dalamnya akan diberi satu asuhan, kursus-kursus pimpinan-pimpinan dan sebagainya yang dikehendaki oleh pihak Junjungan sendiri yang membawa perintah daripada pihak yang berkuasa iaitu Pencipta seluruh alam supaya dapat dikendalikan 176 buah Mesjid itu dan dapatlah difahamkan sebenarnya dengan aman dan tenteram. Jangan fikir pula mengapa saya membawa perkara ini da-

lam cakapan saya pada hal uagama ini uagama rasmi kepada orang-orang Islam sahaja. Ini tidak betul. Mohamad diutus ke alam dunia ini bukan untuk Islam sahaja ataupun untuk orang-orang Arab sahaja, tetapi termasuk tiap-tiap manusia yang ada di dalam dunia ini. Bukan manusia sahaja, tetapi termasuk seluruh binatang-binatang sehingga kesemut dalam bumi-pun. Ini hakikat sebenarnya. Kalau sekiranya Mesjid Negeri ini diadakan perubahan-perubahan mengambil daripada hakikat yang sebenarnya, saya rasa Negeri Pulau Pinang akan bahagia, dan tiap-tiap kaum yang ada dalam Negeri Pulau Pinang kita ini akan berada di dalam aman dan damai, tidak payah Rukun Tetangga dan tidak payah lagi RELA. Sungguhpun Rukun Tetangga dan RELA telah dibuat, RELA tinggal RELA, Rukun Tetangga tinggal Rukun Tetangga, banyak 'koyok' sahaja kerja tidak dibuat. Masaalah ini patut saya cakap terang-terang. Pada hal kalau kita ambil Rukun Tetangga baikpun RELA dan lain-lain, Mesjid ini yang diadakan Qhuthbah untuk menerangkan hakikat-hakikat yang sebenar.

Saya misalkanlah satu yang diterangkan oleh Pencipta dan yang membawa kepada kita suruh buat mesjid ini ada lima perkara, bukan untuk orang-orang Melayu sahaja, bukan untuk orang-orang Arab sahaja, tetapi untuk tiap-tiap manusia yang ada di dalam dunia ini, dan disuruh memelihara akal. Macamana hendak memelihara akal? Adakah hendak disimpan dengan besi dan diikat di situ supaya orang ketuk tidak pecah, atau memakai topi keledar. Bukan semacam itu memelihara akal, bukan secara memakai topi keledar. Tidak, tetapi dengan mengisikan dengan segala pelajaran dan pengetahuan dan pertimbangan yang ada pada otak, kalau dibentangkan sesuatu di dalam Dewan ini, otak itu memikirkan betul-betul samada betul atau tidak apa yang dibuatnya dan hati kata O.K. Tetapi tidak! Kadang-kadang tepat apa yang ada di dalam itu cuma untuk kita mengamalkan sahaja. Itu yang payah—bercakap memang senang. Gabnor boleh berucap dari pagi sampai petang,

dan kita boleh bersidang sampai tiga bulan, tetapi hendak memikul apa keputusan yang ada ini patut diterima. Akal ini yang memikirkan. Kita disuruh memelihara akal dengan mengisi fikiran-fikiran yang boleh membina

Keduanya memelihara diri. Kalau tiap-tiap seorang terpaksa memelihara diri dan tanggungjawab dirinya sendiri, tidak payah lagi Rukun Tetangga dan RELA kerana apa yang ada pada seseorang manusia itu, apa yang ada pada saya, dan apa yang ada pada orang itu ada pada orang ini. Hakikat ini mengapa tidak ada? Maka sebab itulah bermacam-macam angkara terjadi walau sekalipun diadakan apa yang padat dan tidak mungkin perkara itu boleh berjalan dengan baik kalau diri sendiri tidak faham kedudukannya.

Yang ketiga, membela harta. Sebab apa kita cari kekayaan? Bila kita cari kekayaan kita dapat sesenangan, duduk di rumah besar, dan polis mesti berjaga, *military* mesti berjaga—inilah yang menjadi masaalah. Tidak peduli siapa yang menjaga. Jikalau masing-masing ada mengingiat semacam itu barangkali boleh aman. Inilah cara yang dikehendaki. Saya cakap terang-terang: Islam Ugama rasmi negeri ini dan terletak di atasnya keselamatan dan keamanan umum. Sesiapa yang memecah keamanan dan keselamatan adalah yang paling besar kesalahan bagi mereka. Sebarang perkara yang dibuat yang boleh memecah keselamatan, boleh memecah keamanan atau boleh membangkitkan huruhara ini adalah tidak diterima, salah sebesar-besar salah. Tapi mengapa ini tidak difaham? Jadi buat apa sampai 176 buah mesjid? Dan sekarang diadakan 177? 177 buah mesjid ini ialah untuk memahami bukan sekadar orang-orang Melayu dan orang-orang Islam sahaja, tetapi kepada seluruh rakyat untuk memahami dengan sebenar-benarnya. Mudah-mudahan dengan terdirinya mesjid ini, saya harap akan mendapat kelebihan lagi pada masa-masa hadapan dan saya berseru derma-derma patutlah diberi dengan lebih lagi; dan pertimbangan pihak Kerajaan untuk memberi sumbangan tambah lagi daripada \$500,000 hingga

\$500,000 lagi menjadikan \$1 million dengan tanah-tanahnya, dan Kerajaan Persekutuan akan memberi \$1 million dan boleh jadi sampai \$2 million kalau diambil. Sungguhpun Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi \$1 million bersama tanahnya sekali, dan Kerajaan Persekutuan kata boleh jadi akan memberi sampai \$2 million, adakah banyak wang ini? Cuba kita timbang—banyakkah? Kalau kita derma juga 5 peratus atau 10 peratus, banyakkah? Saya rasa kalau dihalusi betul-betul sebenarnya apa yang kita beri dan apa yang kita dapat, perbandingannya amatjauh—99 peratus kita terima, tetapi 100 peratus untuk membeli barang-barangnya sahaja. Jadi inilah yang patut disedari.

Saya jawab mengenai Sekolah Ugama Rakyat, semua perkara ini telah diberi bantuan dan sekarangpun diberi bantuan, tetapi bukanlah bantuan yang diberi itu bantuan yang sepenuh-penuhnya. Kalau berkehendakan bantuan, Persekutuan boleh memberi bantuan dengan sepenuh-penuhnya samada dari bahagian A atau B; A dapat \$10, B yang pertama dapat \$14, B yang kedua dapat \$20 dan C dapat \$1.00 bantuan yang paling banyak. Sekadar susunan kerja dan pentadbiran sekolah itu hendaklah berjalan dengan teratur. Kalau perjalanan atau pentadbiran sekolah itu tidak berjalan dengan teratur mengikut syarat-syarat yang dikehendaki, bagaimana bantuan akan diberi? Bukan sekadar masalah Sekolah Ugama sahaja, dalam pekerjaan diberi bantuan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Minta keterangan. Ini satu masaalah yang berkenaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri? Kita mahu dapat keterangan sahaja.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Kerajaan Negeri yang beri, tetapi bukan Negeri beri sebab Jabatan Ugama di bawah pentadbiran negeri juga. Daripada Persekutuan ada diberi. Ini adalah bagi Sekolah Ugama Rakyat, bukan bagi pihak guru-guru yang mengajar di Sekolah Ugama sebab itu adalah per-

kara lain. Sebab itulah ini boleh dijalankan dengan teratur dan bagi pihak negeri Jabatan Ugama yang mengambil perkara ini. Dengan itu tidak payahlah saya bercakap panjang lagi kerana kita hendak jaga masa dan Yang Amat Berhormat juga hendak menjawab perkara-perkara yang akan dijalankan oleh Yang Amat Berhormat sendiri sedikit masa lagi dan dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan akhir sekali saya menyokong penuh Usul yang dibawa mengenai ucapan Tuan Yang Terutama Gabnor Pulau Pinang.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya bangun menyokong sepenuhnya dengan Usul yang dicadangkan oleh rakan saya, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Penaga.

Nampak saya kali ini sungguh-sungguh di dalam Dewan ini kita mendengar beberapa perkara di dalam bahasan yang menunjukkan dengan terang yangmana Yang Berhormat Ahli-ahli Barisan Nasional sungguhpun bertanggungjawab dengan masalah-masalah yang berkaitan dengan kawasan-kawasan beliau dan mereka. Tetapi nampak saya, Yang Berhormat Ahli-ahli dari Parti Pembangkang ialah mengikut lagi teraju lama yangmana mereka membawa masalah-masalah yang berguna dan tidak berguna atau sesuai dengan Dewan ini. Tetapi dengan pendek sahaja apa-apa masalah-masalah yang telah dibawa bolehlah Yang Berhormat rakan-rakan saya dan Kerajaan sungguh mengambil perhatian dan telah mengambil keputusan juga dan bolehlah bertugas dan mengkaji serta menjalankan apa-apa yang sesuai untuk kawasan-kawasan itu.

Cadangan oleh Yang Berhormat Ahli dari kawasan Penaga yang telah dapat sokongan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain yangmana Kerajaan kaji satu bangunan yang lebih sesuai supaya diberi nama Allahyarham Tun Syed Sheh Barakbah adalah satu masalah yang Majlis Mesyuarat Kerajaan bolehlah mengambil pertimbangan dan keputusan tidak berapa lama lagi.

Berkenaan masalah-masalah yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang tidak guna saya menjawab dengan panjang lebar. Mengenai apa masalah yang sesuai yang sungguh-sungguh berlaku di dalam negeri kita, Kerajaan bolehlah mengambil pertimbangan, tetapi nampak saya dalam bahasan, Datuk Yang Dipertua sendiripun bagi peluang kepada mereka membawa perkara-perkara yang langsung tidak boleh digunakan di dalam Dewan ini semacam UDA, Prai Barrage dan lain-lain. Saya haraplah Yang Berhormat semua mesti faham ada banyak rancangan yang ada di dalam Negeri Pulau Pinang. Tetapi rancangan ini dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Dan masalah seperti Prai Barrage ialah satu masalah yangmana tujuan kami ialah menghabiskan projek atau rancangan ini pada tahun 1974 dan 1975 dalam masa Rancangan Malaysia Kedua, tetapi di sini kita tidak boleh kata Kerajaan Negeri tidak tunjuk apa-apa untuk menjalankan rancangan ini.

Dalam jawapan saya untuk beberapa soalan-soalan bertulis saya telah menjawab dengan dalam dan teliti beberapa perkara Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal telah membawa masuk dalam Dewan ini yang menjadi *points* dalam perbahasan beliau. Tetapi inilah menunjukkan macamana Kerajaan Negeri bila kita hendak pindahkan setingan-setingan yang ada di tapak-tapak yang kita sediakan, kita tidak membawa kesusahan besar kepada mereka yang susah untuk rancangan-rancangan pembangunan. Ini saya haraplah Yang Berhormat pun faham jika tanah-tanah ini kita ambil dan sediakan untuk kerja-kerja jurutera belum siap, kita tidak boleh kata kita tidak nampak apa-apa yang dirancangkan telah dijalankan, tanah telahpun diambil dan telah pun disediakan untuk memindahkan setingan-setingan di tempat yang lain tetapi untuk menjadi penduduk di suatu tempat yang sangat sesuai dan lain-lain masalah ini telahpun dijalankan. Tetapi Prai Barrage tidaklah dijalankan dalam masa yang kita bertujuan

di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tetapi di dalam jawapan saya, saya telah berkata dalam lima tahun ini, dalam masa Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telahpun mencapai dari 85 peratus sampai 90 peratus untuk rancangan-rancangan yang kita ada dalam masa itu. Saya ingat itulah satu rekod yang sungguh penting, tidak payah kita bawa masalah-masalah kecil dan berteriak di sini untuk menjadi 'hero' di dalam surat khabar esok dengan berkata: 'Oh! Kerajaan tidak ikut perjanjian,' dan lain-lain. Bolehlah suatu hari nanti menjadi *hero* tetapi saya fikir itu bukan masalah yang sungguh-sungguh kita mesti bahas dengan teliti di dalam Dewan ini.

Di sini ada banyak masalah-masalah yang dibawa seperti masalah *stadium*. Pada tahun 1973 ada perjanjian yang bagus. Dalam bahasannya, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal tunjuklanlah bagaimana rakan saya yang baru mengambil bahasa di sini, iaitu jagalah otak sendiri bukan secara memakai topi keledar. Di sini saya bawa satu rekod yangmana dalam bahasa Inggeris dia berkata bahawa saya di sini berjanji, 'The stadium has been provided for and it will be built, and when we say it will be built, it will be built.' I repeated so sebab perkataan saya, saya tidak kata masa bila. Saya ingat jika rakyat Negeri Pulau Pinang, samada rakyat di dalam bandar George Town atau penduduk-penduduk di dalam kawasan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan sungguh-sungguh mahu *stadium* ini, saya ingat apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini telah meluluskan baru-baru saja yangmana kita meluluskan satu Rang Undang-Undang Pengehsahan, tahun 1976, bolehlah dibetulkan dan diperbaiki masalah kewangan dalam Lembaga Pengurus Kerajaan boleh dapat peluang yangmana masalah ini boleh disiasat; tetapi kalau di sini kita berdiri dan berkata kita sokong dengan *stadium* tetapi kita bangkang dengan Rang Undang-Undang yang kita telah ambil keputusan yangmana kita hendak ikat kakitangan Kerajaan Tempatan sampai mereka tidak

boleh dapat wang, sampai mereka tidak boleh selesaikan masalah-masalah yang timbul dari kewangan di dalam Lembaga itu, bagaimana ada orang di sini berkata sesuatu dan menjadi lain. Itulah menunjukkan masalah yang kita mestilah pertimbang baik-baik sebab beliau membawa perkara dan bertanya sebab apa dalam tahun 1973 bawa masalah ini, dan kita di dalam Dewan ini tahu, tahun 1973 ialah satu tahun yang kewangan baik bukan dalam negeri kita sahaja, tetapi dalam seluruh dunia. Tetapi, selepas tahun itu, tahun 1974 dan tahun 1975, adalah dua tahun yang cukup susah dalam seluruh dunia oleh kerana kemerosotan ekonomi dunia dan masalah-masalah stagflasi. Di sini saya haraplah Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal baliklah dan ingat baik-baik apa yang kita telah jawab untuk soalan-soalan bertulis dan soalan-soalan mulut dan ingat baik-baik, tetapi kalau beliau ingat baik-baik dan bawa *priority* yang tidak sesuai dalam masa itu, ini masalah beliau sendiri. Nampak saya pelan rancangan besar sekali, dan Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal pun pandai. Diapun ada ingat mahu campur tangan dalam rancangan Bagan Serai. Tetapi, saya terkejut sedikit, sebab nampak saya, bau masa penjajah belum hilang. Beliau kata kalau hendak bangunan tapak itu baik kita taruhkan sekolah dahulu. Saya tidak tahu-lah bagaimana. Apa yang saya tahu ialah mengikut apa yang berguna sekarang, di mana-mana tapak yang ada penduduk-penduduk dan murid-murid yang cukup kita bawa sekolah. Bukanlah kita taruh sebuah sekolah dalam satu tempat yang orang belum membangun semacam masa penjajah bawa-lah satu sekolah di sini, semua orang boleh ikut akibat-akibat penjajah. Inilah saya kata *priority* tidak serupa. Kata beliau pun sungguhpun beliau tahu tahun 1973 adalah tahun yang baik di mana harga-harga barang-barang tinggi, beliau pun tahu di masa itupun faedah-faedah bank-bank pun tertinggi. Sebab itu, kalau beliau sedikit fikir baik-baik beliaupun boleh faham iaitu dalam tahun 1973 bila kita buat anggaran untuk projek yang se-

karang bernama Kompleks Tun Abdul Razak, masa itulah harga barang-barang turun dan faedah-faedah untuk bank pun turut turun bersama-sama sampai hari ini anggaran untuk projek itu tidak bertukar. Tetapi, kalau fikir semacam ini tidak payahlah lompat dan berkata, 'Wah! Apa yang sudah kita buat untuk tahun 1973 yang berharga \$200 juta sekarang sudah menjadi satu anggaran \$500 juta.' Itu *opinion* beliau. Tetapi siapa yang tidak ingat baik-baik, sedangkan saya ingat rakyat di dalam negeri kita ingat baik-baik. Dia faham sebab-sebab apa ini tidak naik.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Itu *opinion* "The Asian Statist".

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, jika Yang Berhormat Kawasan Bagan Jermal menjadi *representative* "The Asian Statist" boleh, tetapi saya ingat selalulah beliau bawa perkara untuk Bagan Ajam. Sampai masa sekarang saya ingat barangkali ini Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Ajam. Dukacitalah tapak kawasan beliau pun telah dipindah nama sampai kawasan Bagan Jermal. Orang pun tidak tahu Bagan Jermal Pulau Pinang atau Bagan Jermal Seberang Perai atau Butterworth. Tapi, saya fikir di sini kita nampak bagaimana Parti Pembangkang berpecah. Sebab beliau kata jambatan pontoon di Permatang Pauh tidak berguna dan tidak sesuai, dan Ahli Yang Berhormat Kawasan Pekan Bukit Mertajam pula kata, 'Oh! Titi ini sesuai'. Nampak kita sungguhpun bila-bila di dalam bahasan ini Parti Pembangkang nampak ada perpaduan tetapi perpaduan ini adalah perpaduan kosong.

Datuk Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam bercakap 'Oh Kerajaan Negeri sungguh-sungguh melupakan dengan Seberang Perai langsung'. Langsung! saya fikir siapapun di dalam Negeri Pulau Pinang atau lain-lain tempat bila-bila melawat ke Negeri Pulau Pinang dan melawat Seberang Perai bolehlah dia nampak di dalam lima tahun ini sungguh-sungguh ba-

nyak rancangan yang telah diadakan di Seberang Perai. Inilah saya kata, ambillah sedikit perkara tetapi teriak dengan kuat. Betul atau tidak kita mesti pertimbangkan. Sebab itulah saya berkata apa masalah-masalah yang berbangkit yang sesuai Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan. Tetapi, saya rasalah Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Pekan Bukit Mertajam dan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun pun bawa satu masalah yang mana mereka menunjuk mereka bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan beberapa jawatankuasa yang ada mereka harap mereka boleh menjadi ahli-ahli jawatankuasa itu. Inilah Kerajaan Negeri boleh ambil pertimbangan, tetapi saya di sini mesti kata dengan terang, Kerajaan Negeri langsung tidak terikat atau *discriminate* untuk golongan keturunan dan tidak bawa bau politik di dalam mana-mana jawatankuasa yang dijalankan oleh Kerajaan untuk faedah rakyat. Tetapi, sesungguhnya Yang Berhormat semua mesti memilih apakah jawatankuasa Kerajaan dan apa jawatankuasa-jawatankuasa masyarakat, dan apakah jawatankuasa-jawatankuasa masyarakat semacam Rukun Tetangga yang dijalankan di majlis-majlis daerah.

Saya di sini mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun bila beliau keluar dengan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Acheh mencari wang dengan tujuan yang baik untuk kawasan mereka. Tetapi mereka mesti memilih masa sekarang apa sungguh-sungguh tanggungjawab Kerajaan dan apa sungguh-sungguh tanggungjawab Parti Pembangkang. Tetapi, kalau mereka sungguh-sungguh hendak bekerjasama dengan rakan saya, adalah senang sekali; sekarang pun kita boleh sediakan dua kerusi di sini. Tetapi kita mestilah memilih apakah jawatankuasa Kerajaan dan apakah jawatankuasa masyarakat. Walaubagaimanapun, saya harap Yang Amat Berhormat Kawasan Bukit Tambun, di hari depan saya ingat janganlah bersedih dan duduk di belakang di bawah pokok. Di mana-mana kita berjumpa saya ingat selalupun kita berperasaan

baik. Saya ingat Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun sungguh-sungguh boleh terima ini. Dan apa yang saya kata ialah apa mereka bawa kita boleh pertimbangkan. Yang lebih sesuai kita jalankan, tetapi saya harap dalam memilih kita janganlah potong perhubungan yang baik dan bila-bila pun saya kata, kita sediakan kerusi di sini.

Datuk Yang Dipertua, sekarang saya ingat tidak payah lagi panjang jawapan saya, dan jawapan saya menyokong Usul ini dengan sepenuhnya.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Yang Dipertua, saya memohon untuk mengucapkan terima kasih kepada Datuk Yang Dipertua dan juga kepada Ahli Kawasan Sungai Nibong yang telah menyokong Usul yang dibawa oleh saya kelmarin, iaitu Usul mengucapkan terima kasih di atas ucapan yang telah dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama. Dan juga saya mengucapkan terimakasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat mahupun daripada Barisan Kerajaan dan juga pihak Pembangunan yang telah sama-sama mengambil bahagian menyokong di atas Usul terima kasih ini.

Sekian, terima kasih, Datuk Yang Dipertua.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

B. Usul oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak:

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Datuk Yang Dipertua, saya mohon membawa satu Usul yang berbunyi demikian :

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik semula sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat :

- (1) Y.B. Tuan Speaker (*Pengerusi*)
- (2) Y.B. Tuan Haji Mohamed Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.
- (3) Y.B. Encik Khoo Teng Chye
- (4) Y.B. Encik Lim Heng Tee
- (5) Y.B. Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.
- (6) Y.B. Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.

(7) Y.B. Encik Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-ahli yang lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen atau risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya”.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, saya dengan sukacita mendapat sedikit masa mahu berucap di atas Usul ini.

Usul ini adalah mengenai satu Jawatankuasa yang penting dan mustahak kepada Dewan ini. Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih sebagai Ahli-ahli di dalam Jawatankuasa ini bolehlah pertimbang akan *facilities* bagi Dewan ini seperti *library*. Kita sudah bercakap banyak kali bahawa kita tidak boleh mendapat apa-apa *facilities* di dalam *library* sebab selalu ianya ditutup.

Lagi satu masaalah yang berkenaan yang saya mahu bangkitkan untuk mendapat pertimbangan oleh semua Ahli-ahli dalam Jawatankuasa ini ialah perkara berkenaan *secretariat* bagi Dewan ini sebab kita selalu mendapat Lapuran Persidangan ini selepas dua tahun, iaitu selepas beberapa lama barulah kita boleh membaca lapuran ini—the Report of the Proceedings of the Assembly. Saya minta maaf. Sebab apa kita selalu dapat lapuran ini lambat? Sebab kita tidak ada *secretariat* di sini yang boleh bekerja betul. Sebab itulah kita kena pinjam kakitangan-kakitangan dari sebelah sini dan dari sebelah sana. Saya ingat kalau kita boleh buat *secretariat* untuk Dewan ini, dia boleh bekerja dengan kuat sedikit dan dalam enam bulan kita boleh mendapat lapuran. Yang Amat Berhormat selalu ada bercakap berkenaan perkara itu tiga tahun dahulu; masaalah itu dibangkitkan tiga tahun dahulu, tetapi sebab apa kita baru sahaja mendapat lapuran itu? Kita baru boleh

membaca lapuran itu. Sebab itulah susah. Saya haraplah ada suatu *secretariat* yang boleh bekerja di sini. Ia boleh menjaga library juga dan selalu, kita boleh masuk ke sini membaca apa-apa suratkhbar atau apa-apa di dalam Dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari Seberang Perai selalu ada sedikit masa untuk datang ke Pulau Pinang dan dia boleh mari ke sini untuk berehat di dalam Dewan ini dan dia boleh membaca sedikit apa-apa yang ada di dalam library Dewan ini.

Lagi satu masaalah yang penting ialah di Parlimen (Dewan Rakyat), kita ada suatu peruntukan bagi pemimpin Parti Pembangkang—the *leader of the Opposition*—sebanyak \$1,000 sebulan. Di dalam Dewan ini juga kita ada seorang Ahli Yang Berhormat sebagai *leader of the Opposition*. Macam inilah kita mestilah beri sedikit peruntukan dan bukanlah Yang Berhormat belanja sendiri. Dia boleh mendapat seorang secretary untuk membuat kerja bagi menolong semua Ahli-ahli Pembangkang di sini. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas sebagai Pengerusi Adelaide Week dan Penang Week, saya juga mendapat peluang berjumpa dengan beberapa Ahli-ahli Parlimen dari Australia Selatan. Mereka ada memberitahu bahawa di dalam Dewan Parlimen di sana ada peruntukan bagi Opposition Leader, tetapi di dalam Dewan Negeri ini saya rasa dukacita kita tidak ada peruntukan atau *provision* bagi *leader of* Parti Pembangkang. Saya tidak mahu \$1,000 atau \$2,000 sebulan. Di Australia Selatan dia diberi seorang *private secretary*—setiausaha sendiri, tetapi di sini kita ada seorang *leader of* Parti Pembangkang yang tidak diberi satu sen pun.

Saya mencadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Jawatankuasa ini patutlah pertimbangkan untuk memberi \$500, \$600 atau \$700 supaya Ahli-ahli Pembangkang di sini boleh mendapat suatu *secretariat* yang boleh bekerja kuat dan betul bagi Ahli-ahli Pembangkang dan dia juga boleh menolong Parti Pembangkang agar kita tidak boleh bohong atau ber-

cakap perkara yang tidak betul atau apa-apa perkara yang tidak bersangkut. Kita boleh terima ini. Saya minta Datuk Speaker, sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini, buat mesyuarat yang akan datang, bawalah tiga perkara ini, dan saya harap perkara-perkara ini mendapat tindakan. Sebab itu, saya menyokong dan ucapkan selamat tahniah kepada semua Ahli-ahli yang dipilih dalam Jawatankuasa itu.

Soalan dikemukakan dan dipersejutui.

(C) Usul oleh Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee:

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat:

- (1) Y.B. Datuk Speaker (*Pengerusi*)
- (2) Y.B. Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.
- (3) Y.B. Encik S. P. Chelliah, J.P.
- (4) Y.B. Encik Khor Gark Kim
- (5) Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.
- (6) Y.B. Encik Oh Teck Aun
- (7) Y.B. Encik C. Y. Choy

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-ahli yang lain akan membentuk satu forum. Jawatankuasa tidak akan berkuasa mendapatkan orang-orang dokumen-dokumen ataupun risalah-risalah kecuali jika Dewan memutuskan sebaliknya.”

Datuk Yang Dipertua, Usul ini di atas nama saya bertujuan untuk melantik sebuah Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri yang Keempat, mengikut Peraturan Mesyuarat 109.

Jawatankuasa ini akan menguruskan semua perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan. Sebarang cadangan untuk pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat biasanya hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa ini untuk pertimbangan dan perakuan. Jawatankuasa ini adalah salah satu Jawatankuasa Dewan yang dilantik di bawah

Peraturan Mesyuarat 109 (a). Ahli-ahli dipilih untuk menunjukkan pertimbangan di antara Kerajaan dan Ahli-ahli Pembangkang di dalam Dewan.

Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye): Datuk Speaker, saya menyokong Usul itu.

Tuan Speaker: Usul dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, saya menyokong Usul itu juga, tetapi sayapun ada dapat satu masalah sahaja untuk dibangkitkan di sini. Saya harap boleh dapat pertimbangan Ahli-ahli Jawatankuasa ini.

Ini adalah satu masaalah berkenaan Peraturan 46 (V) berkenaan membaca ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Nampak saya ialah saya selalu ada nampak Ahli-ahli Yang Berhormat di sini adalah membaca ucapan-ucapan mereka, dan mereka membaca dengan kuat dan penuh juga, baca sampai tidak tunjuk kepada Datuk Speaker. Inilah saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat macam ini tentu mahu baca sebab selalu dia ada *text*. So dia tentu mahu ikut.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, dari Bagan Jermal, saya adalah dilantik sebagai seorang Speaker, dan tidak patut Ahli Yang Berhormat ajar kepada saya kerana saya faham tugas-tugas saya. Saya harap sungguhpun Ahli Yang Berhormat nampak Ahli Yang Berhormat baca, tetapi pada pendapat saya dia hanya *refer* pada *notes*, oleh itu saya harap Yang Berhormat silalah tarik cakapan Yang Berhormat setakat itu kerana saya sebagai seorang Speaker segala keputusan saya adalah muktamad dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal janganlah datang ke sini dan mengajar kepada saya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya minta maaf, Datuk Speaker. Saya ingat masaalah itu bolehkah dapat satu pindaan bagi pe-

luang semua Ahli-ahli baca ucapan itu. Sebab apa saya mahu beri ini cadangan ini? Sebab sebagaimana seorang Ahli dia boleh baca seorang Ahli tidak boleh baca ini selalu ada gaduh-gaduh dalam Dewan ini macam kita baca di sini Ahli Yang Berhormat di sana boleh kata 'Under Standing Order 45 tidak boleh baca, tetapi mengapa baca di sini'. tetapi dia baca.

Saya tahu dan saya hormat Datuk Speaker. I respect you very much because you have always been just and kind and understanding, tetapi ini satu saya harap boleh dapat pertimbangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini that this clause be deleted. Sebab itu-pun saya boleh baca, dan semua orang boleh baca.

Soalan dikemukakan dan diperse-tujui.

(D) Usul Oleh Yang Berhormat Encik Ahmad bin Salleh:

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Awam bagi Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat, untuk mengkaji kira-kira dan lapuran seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat 109A (1) dan untuk membuat segala lapuran-lapuran mengenai kepada Majlis sepertimana yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa:

- (1) Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N. (*Pengerusi*)
- (2) Y.B. Encik Lim Heng Tee
- (3) Y.B. Encik T. Subbiah, P.J.K.
- (4) Y.B. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.
- (5) Y.B. Encik Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.
- (6) Y.B. Encik C. Y. Choy

dan Pengerusi serta dua orang Ahli akan membentuk satu korum".

Datuk Yang Dipertua, Usul ini ialah di atas nama saya sendiri. Datuk Yang Dipertua, Dewan ini akan meningkatkan bahawa pada masa yang lepas Jawatankuasa ini hanya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tiga orang Ahli-ahli yang lain. Dalam pada masa sekarang Jawatankuasa ini terdiri dari Pengerusi dan lima orang Ahli-ahli

yang lain kerana Peraturan Mesyuarat berkenaan telahpun dipinda akibat pemakaian Lapuran Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang lepas oleh Dewan. Kebaikannya mengadakan suatu keahlian yang lebih besar iaitu untuk membolehkan Jawatankuasa bertugas lebih efficient pada masa yang akan datang kerana tidak ada kemungkinan korum akan dikurangkan.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim): Datuk Yang Dipertua, saya menyokong Usul itu.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, saya berasa sukacita ada nampak kali ini ada dua Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sini boleh menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa ini. Inilah saya ingat dan saya kata, this is a very wise choice dan saya mahu ucapkan tahniah. Saya juga ucap tahniah kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak sebagai Pengerusi.

Saya selalulah ingat kalau boleh Jawatankuasa ini dapat seorang Ahli dari Parti Pembangkang sebagai Pengerusi or the leader of the Opposition boleh dapat. Saya sendiri tentu tidak ada peluang. Kerajaan ingat saya selalu kacau, sampai tujuh tahun sayapun tidak ada peluang juga, tetapi saya tahu saya 20 atau 30 tahun saya tidak boleh dapat sebab selalu Kerajaan ingat saya selalu kacau lagi, tetapi saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Pekan Bukit Mertajam tentu mahu masuk pada lain tahun. Awak sendiri tolak balik?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Bila saya ada tolak? No invitation was given to me.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya ingat ada dua orang Ahli-ahli di dalam Parti Pembangkang tentulah seorang Ahli yang

senior sebagai seorang Ahli Jawatankuasa ini. Tetapi sayapun ada rasa dukacita sebab saya ingat Kerajaan tidak mahu orang yang boleh kacau. Dia tidak mahu orang itu sebab dia mahu orang yang tidak buat apa-apa kekacauan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): You are complaining about your own colleagues. Oh, disgraceful.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): You are insulting them.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Dia tidak boleh kacau means they don't disturb. So it is a compliment to them. What I mean is that they don't disturb. So soalan itu saya harap adalah banyak masaalah-masaalah yang berbangkit dalam Jawatankuasa itu tahun dahulu. Tetapi ini tidak selesai lagi. *Recommendations* dari Jawatankuasa ini tidak diselesaikan oleh Kerajaan. Saya harap Jawatankuasa ini tahun ini tentu mahu ambil tindakan sebab apa masaalah yang dibangkitkan tahun dahulu tidak dapat ada selesai. Sebab apa? Inilah sayapun ucap tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Jawatankuasa ini.

Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Datuk Speaker, kita telah dengar bahawa dalam ucapan daripada Yang Berhormat Kawasan Bagan Jermal dia selalu sokong Usul-usul yang dibentangkan di Dewan ini dan dia pun ada sokong dan ada beri tahniah kepada Ahli-ahli yang dipilih menjadi ahli-ahli dalam Jawatankuasa ini. Tetapi, Tuan Speaker, saya tengok dalam Usul-usul yang dibentang atau yang akan dibentang di Dewan ini nama Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal tidak ada langsung. Sayapun tak tahu pihak Kerajaan tidak mahu jempot dia atau dia sendiri tidak mahu.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): He can answer for himself.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya tidak terima. Ada satu Jawatankuasa saya tidak dapat terima. Saya mahu cakap lagi.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): We must have overlooked you, small man.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Saya ingat, Tuan Speaker, Jawatankuasa ini—dengan izin—ialah Public Accounts Committee. Oleh itu ianya suatu Jawatankuasa yang penting dan barangkali Yang Berhormat kawan saya dari Bagan Jermal malu sedikit mahu minta jadi ahli dalam Jawatankuasa ini. Sebab itu saya minta pihak Kerajaan Negeri, I think, amend this list to include my learned friend from Bagan Jermal in this Committee.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Learned friend?

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Yes, because he is a member of the Opposition and because the Honourable Chief Minister has never called us his friends. So we have to call ourselves "friends". So either you consider him to be included in this Committee or at least, in future, you give him a chance because he has got a good memory where account is concerned—and a very sharp memory too.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini macam ada patut.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): You see, he can even quote Yang Berhormat from Ayer Itam's 8.6 and 1.1. So I think, Tuan Speaker, you should take my proposal into consideration; and in all fairness to him for all the work he has done for the Assembly and for the people, please consider him for this Committee.

Terimakasih.

Soalan dikemukakan dan dipertanyakan.

(E) Usul oleh Yang Berhormat Encik Samsuddin alias Md. Noor bin Ahmad:

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan Usul atas nama saya yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang, Yang Keempat:

- (1) Y.B. Datuk Speaker (*Pengerusi*)
- (2) Y.B. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.
- (3) Y.B. Encik T. Subbiah, P.J.K.
- (4) Y.B. Encik Wong Choong Woh, J.P.
- (5) Y.B. Dr Choong Sim Poey
- (6) Y.B. Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.
- (7) Y.B. Encik Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.

dan bahawa Pengerusi serta tiga orang Ahli-ahli yang lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa akan berkuasa mendapatkan orang-orang, dokumen-dokumen dan risalah-risalah dan melaporkannya kepada Dewan dari semasa ke semasa."

Tugas-tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbangkan semua perkara yang melibatkan kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan Dewan. Sebarang pengaduan tentang pelanggaran sesuatu keistimewaan atau penganggahan syara-syarat Dewan ini oleh seseorang Ahli atau lain-lain orang hendaklah diuruskan dengan sewajarnya oleh Jawatankuasa ini yang akan menyasat perkara itu serta melaporkan kepada Dewan supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Sebagai sebuah Jawatankuasa Dewan, adalah perlu supaya satu perimbangan antara Kerajaan dan Ahli-ahli Pembangkang tunjukkan dalam keahlian Jawatankuasa ini. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya Jawatankuasa ini mengandungi 7 orang ahli—untuk menunjukkan keahlian sedemikian, dan supaya Yang Berhormat Datuk Speaker sendiri menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini kerana menurut jawatan Tuan Speaker, tuan mempunyai hubungan yang paling rapat dengan kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan Dewan. Adalah juga dicadangkan supaya Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mendapatkan orang-orang, dokumen-

dokumen dan risalah-risalah dan bahawa ianya hendaklah melaporkan kepada Dewan dari semasa ke semasa.

Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Datuk Yang Dipertua, saya menyokong Usul itu.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, saya mahu beritahu dalam Dewan ini sebab apa saya tidak terima satu *invitation* sebagai Ahli dalam Jawatankuasa ini. Sebab apa? Ini adalah satu Jawatankuasa yang dalam lima-enam tahun dahulu tidak mengadakan sesuatu mesyuarat atau apa-apa mesyuarat hari ini. Inilah saya ingat satu '*dormant*' Jawatankuasa.

Dalam Dewan ini tahun dahulu, ada banyak serious accusations like corruption, nepotism, dan lain-lain, tetapi tidak ditunjukkan kepada Jawatankuasa ini. Kalau ada serious accusations dibawa oleh seorang Ahli Yang Berhormat, tentulah kita mesti refer him to the Privilege Committee so that he can substantiate it; tetapi tidak ada. Ada banyak name-calling like 'small man', 'earthworm', 'three monkeys'—semua perkataan yang tidak betul ini dibawa ke dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Twister.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Master Twister ialah Ketua Menteri (*ketawa*). Ada banyak *name-calling* yang bukan Parliamenteri—"Hang yourself". Semua ini tidak betul. Perkara ini tentu patut dirujuk kepada Jawatankuasa ini tetapi sebab apa tidak dirujuk kepada semua Ahli-ahli di dalam Jawatankuasa ini? Macam itulah Jawatankuasa ini macam suatu *dormant committee*. Dalam 10 tahun tidak ada suatu mesyuaratpun. Sebab itulah saya tidak mahu terima sebagai seorang Ahli. Nama sahaja ada, tetapi tidak ada kerja apa-apa di dalam Jawatankuasa ini.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): Nothing was referred to the Committee.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang making serious accusations.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Mengapa tidak minta Pengerusi panggil mesyuarat?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Macam inilah satu *dormant Committee* saya tidak mau terima. Kalau boleh satu Committee buat kerja bagi *nation building*, bagi *improvement of our society*, bagi *benefit to the people*, ini satu Jawatankuasa yang saya tentu mahu sokong. Bagi saya Jawa'ankuasa *dormant* saya tidak mahu. Inilah saya mahu beritahu Dewan ini sebab apa tidak terima sebagai Ahli. Sekian, terimakasih.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.23 pagi.

(F) Usul oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri:

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$5,519,000 yang tertunjuk dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Kedua, 1975, yang dibentangkan sebagai Risalah Bil. 8 tahun 1976 dan menetapkan bahawa jumlah ini digunakan bagi tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Kedua, 1975."

Datuk Yang Dipertua, Usul ini ialah untuk mematuhi keperluan di sisi Undang-Undang Seksyen 4(2), Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966, sepertimana yang terpakai kepada Negeri mengikut Seksyen 9, Akta yang sama.

Oleh yang demikian, Usul ini bertujuan untuk meminta kelulusan daripada Dewan ini untuk membelanjakan satu perbelanjaan sebanyak \$5,519,000

bagi projek-projek pembangunan Perbadanan Pulau Pinang yang mana butir-butir selanjutnya adalah terkandung di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Kedua, 1975, yang dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Risalat Bil. 8. tahun 1976, bersama-sama dengan huraian.

Datuk Yang Dipertua, saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri berazam untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan di dalam negeri khususnya dalam pembangunan tanah supaya dapat menguntukkan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur asas, kemudahan-kemudahan sibil dan sosial yang mencukupi termasuk rancangan perumahan bagi golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan seterusnya memperkembangkan peluang-peluang pekerjaan dengan tujuan memajukan lagi ekonomi dan masyarakat kita.

Berkaitan dengan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan satu Pinjaman Lima (5) Tahun sebanyak \$25,000 kepada Negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunannya yang diperolehi dari Konsortium Bank-bank Kuala Lumpur.

Jumlah sebanyak \$19,481,000 yang diuntukkan di dalam Anggaran Pembangunan Negeri tahun 1975 sebagai pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak mencukupi untuk membolehkan negeri ini menyalurkan pinjaman \$25 juta sahaja kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Oleh itu, peruntukan tambahan sebanyak \$5,519,000 adalah perlu supaya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dapat memperolehi jumlah sebanyak \$25 juta sahaja daripada Kerajaan Negeri.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah): Datuk Yang Dipertua, saya menyokong Usul itu.

Tuan Speaker: Usul dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, tujuan Usul ini adalah memberi peruntukan atau pinjaman tambahan sebanyak \$5.519 juta bagi P.D.C. negeri kita di dalam tahun 1975. Anggaran Pembangunan tahun dulu, 1975, ialah \$19 juta lebih-kurang diberi kepada P.D.C. sebagai pinjaman. Dengan \$5 juta lebih sekarang ialah tambahan pinjaman kepada P.D.C. berjumlah sebanyak \$25 juta. Di dalam bulan March, 1974, ada suatu *agreement* antara Kerajaan Negeri dan P.D.C. Pinjaman itulah yang lebih-kurang \$36 juta. Lagi ada lebih-kurang 594.63 ekar tanah *alienated* bagi P.D.C. *The nominal cost* ialah \$1.00 satu *lot*—bukan satu ekar, satu *lot*. Jikalau kita kira, harga tanah itu ialah \$1.00 se kaki, inilah sebanyak \$26.15 juta. Lagi Kerajaan Negeri ada bagi P.D.C. *facilities* dengan tidak mengira wang. Macam itulah lebih-kurang \$93 juta—lebih-kurang \$100 juta—adalah pinjaman dan peruntukan. Peruntukan bantuan bagi P.D.C. lebih-kurang \$5.8 juta; jadi kalau kita kira semua sekali pinjaman dan bantuan yang Kerajaan Negeri ada beri P.D.C. adalah lebih-kurang \$93 juta. Kalau dikira harga tahun betul-betul, saya ingat lebih-kurang \$100 jutapun ada. Wang itu sangat besar—5 kali anggaran negeri tahun sudah. Sebab itulah saya ingin beritahu P.D.C. supaya belanja wang itu baik-baik—belanja baik-baik wang itu. Inilah satu perkara tentu P.D.C. ingin *identify priorities* atau apa yang mustahak, apa projek yang boleh ditangguhkan, dan apa projek yang mustahak sekali dibuat.

Datuk Yang Dipertua, tanggungjawab P.D.C. dan *duty* P.D.C. sebagai suatu ejensi ialah to help the State Government—dengan izin—to implement the new economic policy to eradicate poverty and to help the Government to create a fair and just society, and to help the Government to solve our social and economic problems. Datuk Yang Dipertua, saya mahu bangkitkan di sini dan memberitahu Dewan ini bahawa dalam S.E.D.C. Conference ada ucapan rujukan kepada P.D.C., sayapun boleh bagi tahu di masa

depan. Sebagai contoh, saya ada berkata, "*identify priority*". Yang pertama ialah P.D.C. tentu mahu adakan sebuah politeknik untuk negeri ini. Inilah ada dibangkitkan di dalam P.D.C. Report 1974—page 26. Bolehkah saya minta baca dalam bahasa Inggeris?

"To convert the Training Centre of the board into a State Polytechnic. During the year, the Corporation"

—that is, the P.D.C.—

"in conjunction with the Board of Management, Local Government Penang Island, initiated a move to convert the Training Centre of the Board into a State Polytechnic."

That was during the year 1974, tetapi sekarang sudah 1976. Saya haraplah P.D.C. boleh kerja kuat supaya dapat *identify priority* ini. Jikalau kita ada suatu politeknik dalam negeri kita, pekerja-pekerja boleh pergi baca semasa tidak ada kerja. Dengan izin: During their off office hours they can go to the polytechnic. Di England ada beratus-ratus politeknik di sana. Semua pekerja-pekerja yang boleh dapat masa lapang boleh pergi ke politeknik pada waktu malam dan waktu pagi. Jikalau dia bekerja malam dia boleh belajar pada waktu pagi, kalau dia bekerja pagi dia boleh pergi ke politeknik itu pada waktu malam. Politeknik juga boleh offer external degrees for the University of London juga. Saya haraplah jika kita mahu negeri kita maju—*march forward*—dan kita mahu *develop our State*, tentu kita mahu orang-orang yang ada *calibre*. So this politechnic is very important. Technical Institute pun boleh.

Priority yang kedua adalah berkenaan perumahan. Datuk Yang Dipertua, saya minta maaf sebab saya baca satu ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bahasa Inggeris sebab *report* ini dilaporkan di dalam suratkhobar di dalam bahasa Inggeris.

Some S.E.D.C. who has spent large sums of money on housing projects, but strange enough most of

the houses were too expensive for the lower income groups which should be their target. As such these projects did nothing to alleviate the plight of the lower income workers who are still homeless."

Datuk Yang Dipertua, P.D.C. ada buat rumah-rumah di dalam negeri kita.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal, saya barmakan Yang Berhormat membaca kerana Yang Berhormat telah meminta kepada saya, tetapi kelmari kita sudah bercakap panjang lebar berkenaan perumahan dan saya harap janganlah dipanjangkan lagi perkara itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini tidak panjang. Hari ini saya *quote*. Semalam saya tidak *quote*. Semalam saya cakap sahaja bahawa tuan-tuan di sebelah sana boleh baca sendiri. Saya harap P.D.C. tentu mahu buat satu rancangan untuk semua orang miskin. Saya mendapat peluang ini mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bayan Lepas sebagai Pengerusi Penang Week atau Adelaide Week adalah beliau itu bekerja kuat. Saya ada jumpa orang-orang dari Australia Selatan yang datang ke sini. Dalam *conversation* saya ada dapat tahu banyak rancangan-rancangan di sana kitapun boleh buat di sini. Dengan adanya mereka datang ke Pulau Pinang ini telah membuka mata saya sendiri untuk melihat apa dia rancangan-rancangan yang sudah di buat di Australia Selatan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bayan Lepas.

Datuk Yang Dipertua, satu rancangan saya ada dapat tahu ialah Australia Selatan ada dibuat rumah papan dengan menggunakan *stove*. *Stove* itu murah sekali dan kita boleh gunakan. Macam itulah saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas boleh tulis pada syarikat-syarikat itu bertanya harga *stove* itu. Kita boleh perbandingan *stove* itu dan jika murah sekali bolehlah kita pakai di dalam perumahan-perumahan murah di dalam

negeri kita. Jikalau kita boleh pakai *stove* ini saya ingat bolehlah kita buat perumahan murah dengan banyak sekali. Saya haraplah P.D.C. tentu mahu buat satu rancangan *in co-ordination with* Yang Berhormat Ahli dari Ayer Itam dan membuat satu rancangan bagi orang-orang miskin.

Datuk Yang Dipertua, berkenaan projek Kompleks Tun Abdul Razak, saya ada cakap dengan panjang lebar sekali kelmarin, tetapi saya sahaja buat satu *remark* fasal ini sebab pinjaman ini adalah untuk Kompleks Tun Abdul Razak. Saya haraplah P.D.C. janganlah dengan izin—rush into the projects. When they have finished phase yang pertama, 1A tunggu sedikit masa, sedikit hari dan tengok adakah cukup pertimbangan bagi projek itu. Kalau ada cukup pertimbangan, kita buat phase 1B, phase 1C dan phase 2, 3, 4, 5. Jikalau phase 1A belum ada pertimbangan lagi, kita buat phase 1B, C, D. Satu hari nanti saya ingat ini akan menjadi "*white elephant*".

Lagi satu perkara ialah berkenaan Kompleks Tun Abdul Razak—60 tingkat podium tower. Semalam saya ada fikir ini satu projek yang saya ingat tidak sesuai bagi negeri kita. Dua hari dahulu ada dalam surat khabar suatu *survey* mengenai *skyscrapers and high-rise buildings*. Adakah ianya sesuai kepada rakyat kita? Semua orang ada bercakap mereka tidak ingat ini adalah sesuai bagi negeri kita.

Datuk Yang Dipertua, lagi satu masalah ialah berkenaan *investment* P.D.C. dengan Penang Electronics, INTRON, dan EXCEL dan kitapun ada nampak ianya bukan suatu projek yang *viable*. Kita boleh dapat tahu ini dalam tahun 1972 Penang Electronics telah kehilangan \$744,000, dan pada tahun 1973 hilang lagi \$874,000. Inilah semua sudah hilang \$1.5 million lagi. Semua orang boleh tahu dan semua rakyat di Butterworth boleh juga tahu bahawa Malaysia Foods Sdn. Berhad ialah sebuah *mushroom company* yang mempunyai banyak masalah dan menjadi sebuah 'problem company'. Saya haraplah P.D.C. boleh jaga baik-baik dan menjalankan *management* dengan baik.

Satu lagi masalah ialah kita tentu mahu jaga ke semua 15 syarikat-syarikat di mana P.D.C. ada buat *investment* sebagai *joint venture* atau *shareholder* atau *wholly owner* dan menjaga supaya kakitangan-kakitangan di dalam syarikat itu jangan buat apa-apa masalah seperti berniaga bagi faedah diri sendiri. Dalam ucapan S.E.D.C. juga ada dicakapkan bahawa ada banyak *officers* dalam S.E.D.C. yang buat kerja berniaga sendiri bagi faedahnya sendiri. Inilah yang kita tentu mahu *stop*. Tentu dia mesti bekerja kuat bagi syarikat, jangan kerja bagi diri mereka sendiri.

Datuk Yang Dipertua, lagi satu masalah ialah berkenaan *factories* dalam negeri kita. Saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris. Following the increase in the number of factories in our State there is bound to be an industrial dispute. From my own experience I have seen that a lot of industrial disputes boleh diselesaikan jikalau kita boleh cakap baik-baik dan kita ada *friendly discussion* dengan pekerja-pekerja. Saya haraplah kalau semua *industrial disputes* dibawa kepada *Industrial Relations Department*, saya ingat susah sedikit hendak diselesaikan. Jikalau P.D.C. ada buat sedikit tindakan atau kalau kita boleh bertukar fikiran dengan pekerja-pekerja *or* wakil-wakil pekerja saya ingat *industrial dispute* ini boleh *be settled as soon possible*.

Lagi satu masalah yang saya mahu bangkitkan ialah Bagan Serai Complex. Sampai sekarang, adalah 6 tahun lebih, kita sudah belanjakan \$5 juta saja di dalam sana. Saya haraplah Kerajaan tentu mahu kerja kuat sedikit boleh *develop* tempat ini so as to implement the rural urbanisation programmes. Inilah pekerja mesti kerja kuat sedikit so that this estate can be developed into a satellite area and solve the socio-economic problems in Butterworth.

Datuk Yang Dipertua, lagi satu masalah—satu sahaja lagi, tidak ada lain—ialah berkenaan *tourists*, iaitu berkenaan masalah pelancong di dalam negeri kita. Kita ada dapat tahu dalam lapuran P.D.C., iaitu dalam ta-

hun 1973, *hotel occupation percentage* ialah 66.7 per cent, tapi dalam tahun 1974 *percentage* telah turun 10 per cent sehingga 57.9 per cent. Ini, saya ingat, is because of the loss of the free port status dan tourist tidak boleh beli cukai-free barang-barang di sini. Saya mahu cadangkan, dan P.D.C. bolehlah pertimbangkan, jikalau kita boleh buat satu rancangan di sini di mana kita boleh jual *duty-free goods* bagi *tourists* yang datang ke negeri kita. Jikalau kita boleh buat satu rancangan macam ini saya ingatkan *the tourist percentage* ini telah turun lagi pada tahun 1975, dan turun lagi tahun ini juga. Semua *tourists* sudah pergi ke Singapura.

Datuk Yang Dipertua, saya haraplah Yang Amat Berhormat jangan ingat saya pandai atau saya mau cakap apa saya sudah cakap atau saya tak tahu *law*, semua tak tahu tapi sahaja mau cakap saja, habis besok boleh jadi *hero* dalam surat khabar. Datuk Yang Dipertua, sebagai seorang Ahli Wakil Rakyat, *the duties and responsibilities* bagi kita adalah untuk mencadangkan kepada Kerajaan bagi pertimbangan, bukan kita ada kuasa mahu buat apa-apa. Bukan boleh buat apa-apa yang kita suka. We are not doing what we like but we only bring out as a suggestion to the Government and the Government will look into it. Whatever can be done, do it, whatever cannot be done, don't do it. It cannot be helped. Jangan kata kita mahu jadi *hero*, sebab kita bukan mahu jadi sebagai *hero*.

Lagi satu masalah saja yang pendek ialah berkenaan Catamaran atau house-boat. Saya ada dapat tahu Syarikat I.H.C. tidak sewa Catamaran ini. Tujuan Catamaran ialah untuk *tourist promotion*, sebab itulah Yang Amat Berhormat ada memberitahu dalam jawapan itu mahu jual Catamaran kepada *tourist promotion agency*. Saya haraplah ini satu projek yang boleh selesai cepat sedikit. Sayapun suka pergi tengok Catamaran—macamana Catamaran ini? Saya dapat tahu Catamaran ini sangat cantik sekali, air-conditioned, carpetted and so on. Kalau kita jual bagi *tourist agency* kita boleh bayar wang dan pergi tengok dan makan di situ, saya haraplah cepat sedikit jual

pada *tourist promotion agency* supaya saya boleh dapat peluang tengok Catamaran. Jikalau kita tidak jual Catamaran ini, you know that this kind of machinery, when it has not been used for so long, becomes deteriorated and perhaps you cannot even repair it. So saya harap semua cadangan saya boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dan Penang Development Corporation.

Terima kasih, Datuk Speaker.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Tuan Speaker, saya bangun mahu ucap di atas Usul permintaan pinjaman tambahan sebanyak \$5,519 juta untuk Penang Development Corporation 1975.

Datuk Speaker, sejak pertubuhan Penang Development Corporation pada tahun 1969 ia ada diberi *activities* yang luas yang mengakibatkan tanggungjawab-tanggungjawab yang berat untuk pihak Penang Development Corporation. Oleh sebab ini saya adalah selalu merayu kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atau pihak Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah supaya mengawasi *activities* dan akaun-akaun Penang Development Corporation. Datuk Speaker, setakat ini pihak Penang Development Corporation ada *invest* beberapa juta ringgit dalam sebanyak 15 syarikat-syarikat either in joint venture with other companies both local and foreign or on its own. Tetapi projek-projek yang terbesar yang dibuat oleh pihak Penang Development Corporation ialah projek Kompleks Tun Abdul Razak dan samada projek ini akan memberi faedah kepada orang ramai dan negeri kita sekiranya tidak boleh dilihat, walaupun aspek-aspek projek inipun ada di syaki.

Tuan Speaker, lagi satu contoh ialah projek Penang Development Corporation di Industrial Complex di Bagan Serai. Penang Development Corporation telah membelanjakan sebanyak \$8 juta in acquiring lands for industrial development and so on. Auditor-General ada criticize perbuatan itu dalam *report*-nya. Saya bersetuju dengan criticism ini sebab setakat ini saya dapat

tahu baru ada dua *factories* dibuat dalam Industrial Complex ini. Saya merayu kepada Kerajaan Negeri supaya memikirkan lagi satu kali samada Penang Development Corporation harus menjalankan terus projek ini. Saya ingin mencadangkan tanah yang earmarked for future development for the building of factories instead should be used for the construction of more low-cost houses. I am not going into the details of low-cost houses as this has already been debated many a time. Saya, Tuan Speaker, menegaskan peranan penting yang boleh dibuat oleh Penang Development Corporation dalam usahanya membangunkan ekonomi dalam Negeri Pulau Pinang. Ini betul sekali di kawasan Kompleks Tun Abdul Razak. Pihak Penang Development Corporation patut membantu dan bukan mengugut orangramai dengan notis-notis yang dikeluarkan. Penang Development Corporation boleh membantu peniaga-peniaga, *petty traders and hawkers*, dan juga orang-orang di rumah-rumah yang affected by the Urban Centre. This will help them to find alternative accommodation, and not forcibly evict them with the notices to quit, because, Tuan Speaker, this high-handed action of the Penang Development Corporation has caused much concern.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam, kelmarin kita sudah berbahas panjang lebar berkenaan hal itu.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Lagi ada satu sentence. This high-handed action of the Penang Development Corporation has caused much concern and anxiety to the people.

Tuan Speaker, ucapan sayapun tidak berapa panjang, pendek sedikit. Tuan Speaker, bolehkah saya baca dalam bahasa Inggeris? Dengan izin: Tuan Speaker, the Penang Development Corporation should not confine its activities to more development of industries and construction of low-cost houses only. A lot of things it can help, and a lot of things it can plan. Now, one example where it can help is to solve

the traffic, parking, and the hawker problems at least within the area of the Penang Development Corporation; and you know that more and more cars are being put on the road annually in Penang Island and we all know about the traffic congestion it has caused. I am sure that most of you agree that the parking problem in Penang is becoming a nightmare. Today, the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, I regret so say, has not taken any step to solve this problem.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, itu perkara lain yang tidak bersangkutan dengan perkara ini.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Saya mahu cakap fasal Penang Development Corporation. Di sini Penang Development Corporation boleh bantu Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dengan menghadapi masalah lalulintas ini.

Tuan Speaker: Trafik tidak bersangkutan dengan perkara ini. Saya tidak bernakan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): But these are the roles that can be played by the Penang Development Corporation because this is the amount to be given to the P.D.C. for the construction and development of Projek Tun Abdul Razak. That is why I am calling on the P.D.C. to help to put up a few multi-storey building with car parks within the jurisdiction of the P.D.C., that is, within the area earmarked for Projek Tun Abdul Razak. I am sure there is nothing wrong in asking and suggesting this and I think it is a good idea and can help to solve this problem.

I think that is all, Tuan Speaker.

Terima kasih.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, bila saya cadangkan, Usul saya pendek dan tujuannya senang. Apa yang kita bahas hari ini ialah dalam anggaran yang kita ada dan telah menyediakan anggaran s a m p a i \$19,481,000, tetapi apa yang dibuat ia-

lah Kerajaan Persekutuan telah dipinjamkan \$25 juta kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri telah meluluskan wang ini kepada Perbadanan Pembangunan Negeri. Dan apa yang kita bahas ialah sesuai atau tidak sesuai, betul atau tidak betul peruntukan bagi perkhidmatan yang baik. Kita mesti ada Usul yang baik yangmana kita membolehkan anggaran ini bertambah sampai \$25 juta mengikut apa pinjaman yang kita dapat. Itulah isi apa yang kita bahas.

Sungguhpun Datuk Yang Dipertua ada bagi peluang Ahli-Ahli yang Berhormat bercakap luas sampai South Australia dan lain-lain tempat, pusing-puting dan korek-korek, tetapi saya nampak apa-apa perkara yang dibawa seperti trafik, *car-park* dan lain-lain adakah berguna dengan Usul ini? Saya fikir tidak guna saya jawab. Apa yang saya mesti jawab ialah di dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal di mana beliau bawa ucapan macam selalu macamana kira-kira beliau pinjaman oleh Penang Development Corporation sampai \$93 juta. Itu menunjukkan macamana Ahli Yang Berhormat tunjuk tanggungjawab Parti Pembangkang. Datuk Yang Dipertua saya fikir jikalau Penang Development Corporation boleh buat satu *promotion* untuk Ahli Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal menjadi satu contoh untuk pelancung, itu-pun baik. Datuk Yang Dipertua, sungguh-sungguh apa yang telah dipinjam oleh Penang Development Corporation ialah \$59,903,678 dan untuk Kawasan Perusahaan Perai \$12 juta, kawasan Perusahaan Bagan Serai \$10 juta dan untuk Rancangan Pembangunan Perusahaan Perniagaan Bebas \$11,603,678 dan membeli tanah Syarikat Kerjasama Tunas Muda \$1,300,000 dan Projek Angkasa Perdana \$25 juta. Jumlah \$59,903,678 dan bukan semacam kira-kira Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal yang pandai. Saya terimalah pandainya tetapi ada macam-macam pandai. Tidak payahlah buang masa sebab saya fikir Usul inipun tidak dibangkang. Apa yang dikatakan atau berbunyi Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang sendiri dengar te-

tapi saya ingat kita jalan terus dengan Usul-Usul dan kerja-kerja yang kita mesti buat dalam Dewan ini.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Soalan dikemukakan dan diperse-tujui.

8. PENANGGUHAN.

Ketua Menteri: Datuk Yang Dipertua, saya cadangkan Dewan ini di tangguhkan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh): Datuk Yang Dipertua, saya bangun ingin bercakap sedikit sebanyak tentang soal rumah-rumah haram, setinggan-setinggan dan rancangan perumahan murah. Bahawa kita tidak boleh menganggap masalah rumah haram atau setinggan-setinggan sebagai satu penyakit atau gejala sosial yang buruk. Saya percaya ianya memang bukan. Rumah-rumah haram hendaklah disifatkan sebagai satu *phenomenon* sosial, ia menjadi sebahagian rapat dari proses pembangunan. Secara asas manusia terdorong untuk berlumba-lumba mencapai *mobiliti* sosial yang lebih tinggi, pekerjaan-pekerjaan yang lebih baik dan kemewahan kebendaan pada keseluruhannya. Oleh yang demikian peringkat setinggan-setinggan ini akan berlalu dan kian lenyap walaupun proses ini akan mengambil masa yang panjang. Jadi buat sementara waktu Kerajaan Negeri hendaklah sekurangkurangnya melengkapkan kemudahan-kemudahan keperluan bagi kehidupan yang sempurna, iaitu bekalan air dan letrik serta kemudahan membuang sampah-sampah sarap.

Datuk Yang Dipertua, apabila masalah menempatkan semula setinggan-setinggan dipertimbangkan, Pihak Kerajaan hendaklah seboleh-bolehnya menjauhkan dari memindahkan mereka terlalu jauh dari tempat kediaman mereka yang asal. Ini juga terpakai atas rancangan perumahan murah bagi mereka-mereka yang kurang berada.

Dalam kes ini, biasanya bagi Kampong Nyak Putih pihak Kerajaan patut membeli tanah yang sedia ada dari pemilik-pemilik tanah dan membina rumah-rumah murah di sana bagi penduduk yang kurang berada. Dalam banyak kes-kes, Datuk Speaker, penduduk-penduduk telah lama tinggal di tempat tersebut, iaitu untuk beberapa generasi, dan oleh yang demikian telah mengasas akar bumi pertalian sosial dan kebudayaan yang mendalam di antara mereka. Tambahan pula sekiranya penduduk-penduduk ini dipindahkan kepada rumah-rumah pangsa di tempat lain mereka akan lebih jauh dari tempat pekerjaan mereka. Oleh itu, perbelanjaan pengangkutan bulanan akan bertambah, melainkan jika penduduk-penduduk ini menukar sekali pekerjaan mereka itu. Satu perkara yang sukar bagi mereka yang kurang mahir pada masa ini.

Datuk Yang Dipertua, pihak Kerajaan juga hendaklah menjauhkan dari membuat terlalu banyak janji-janji untuk membina rumah-rumah murah bagi golongan rakyat yang berpendapatan rendah sementara projek-projek itu masih belum dimulakan lagi. Ini adalah disebabkan harapan-harapan rakyat yang dilahirkan akibat kenyataan-kenyataan yang sedemikian. Dan apabila masa berlalu tanpa tindakan mereka akan mengalami perasaan keciwa hati yang amat sangat. Datuk Yang Dipertua, sementara itu anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab akan merebut peluang ini dengan menyatakan bahawa borang-borang telah pun dikeluarkan bagi rancangan-rancangan perumahan ini dan boleh diperolehi dengan bayaran beberapa ringgit bagi tiap-tiap set dan sebagainya.

Datuk Yang Dipertua, adalah satu kenyataan yang menyesat untuk menyatakan bahawa tidak ada wang untuk membina rumah-rumah murah atau bahawa pemaju-pemaju swasta tidak mempunyai minat. Datuk Yang Dipertua, saya percaya pemaju-pemaju swasta sebenarnya berminat untuk membina rumah-rumah sedemikian. Tetapi pihak-pihak Kerajaan yang berkenaan tidak boleh terikat sangat atas

peraturan-peraturan pembinaan dan mendesak supaya rumah-rumah itu hendaklah mematuhi peraturan itu dan ini. Mereka sepatutnya kendurkan sedikit syarat-syarat dengan tidak membahayakan jiwa penghuni-penghuni rumah-rumah demikian. Dengan inilah pemaju-pemaju swasta akan mempunyai dorongan untuk masuk mencebur diri dan membina rumah-rumah murah kerana mereka kini dapat sedikit keuntungan.

Tuan Speaker: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh): Ada sedikit saja lagi, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sudah sembilan minit.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh): Walau bagaimanapun pembinaan rumah-rumah ini tidaklah dimasukan untuk sepanjang hidup atau bagi jenerasi-jenerasi. Ini adalah berkaitan dengan hasrat untuk mencapai tingkat mobiliti yang lebih tinggi atau sifat semula manusia. Keluarga-keluarga setingan tidak berniat tinggal di tempat-tempat begitu seumur hidup mereka. Apabila sahaja kebajikan secara kebendaan mereka bertambah baik, mereka akan meninggalkan tempat-tempat itu dan pergi ke tempat kediaman yang lebih baik atau lebih menasabah. Sekian.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua Dewan, sebelum saya menyampaikan ucapan penanguhan Dewan Mesyuarat ini, terlebih dahulu saya mohon, ampun maaf kepada Datuk Yang Dipertua atas kesilapan dan kesalahan saya.

Datuk Yang Dipertua, Dewan, izinkan saya membuat sedikit ucapan di Dewan ini di dalam bidang ucapan tanggungan pada hari ini.

Datuk Yang Dipertua, setelah kita berbincang dengan hangatnyanya selama 4 hari berturut-turut ada yang mendapat publisiti di dalam akhbar-akhbar dan ada yang tidak, semuanya ini adalah untuk kebaikan rakyat Negeri

Pulau Pinang semata-mata. Datuk, segala Usul yang telah diluluskan adalah diharapkan bahawa semuanya akan dapat memberi faedah yang besar kepada rakyat Negeri ini. Saya menyeru kepada semua ejensi-ejensi Kerajaan, setelah melaksanakan hendaklah dijalankan dengan secara seadil-adilnya supaya dapat kepuasan hati di antara Kerajaan dan rakyat negeri ini.

Tuan Speaker: Ahli dari Kawasan Penanti, ucapan penangguhan dari Yang Berhormat ialah Bendang Mukim 5 dan petani serta keperluan mereka, nampaknya Yang Berhormat sudah ke lain pula.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Minta maaf, Datuk Yang Dipertua. Datuk, pada hari yang mulia ini saya dan penduduk-penduduk serta petani-petani di Kawasan Mukim 5, Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam, ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan yangmana telah mengadakan rancangan pengairan Sungai Kulim dan rancangan di Kubang Semang serta Kerajaan telah berjaya memberikan air kepada petani-petani mengerjakan sawah di kawasan-kawasan tersebut dan di kawasan ini telah dapat pesawah-pesawah padi bekerja setahun dua kali.

Datuk, di samping mereka-mereka yang telah mendapat nikmat-nikmat ini, ada juga rakyat kita di kawasan itu terlibat dengan rancangan itu kerana berlebihan air. Datuk Yang Dipertua, kawasan ini adalah kawasan Paya Acung dan kawasan disekelilingnya. Datuk, pada masa biasa kawasan ini dalamnya sejarak hanya 50 ekar sahaja, tetapi setelah air di kawasan ini tidak dapat dikeringkan dari setahun ke setahun maka disekelilingnya pula telah terlibat lebih-kurang lagi sebanyak 50 ekar. Kawasan-kawasan ini telah menjadi lumpur dan payah mereka hendak mengerjakan sawah-sawah mereka dan tanaman padipun tidak akan menjadi dengan sempurnanya kerana padi tidak dapat subur di atas tanah lumpur yang sedemikian dalam ini. Sekarang kebimbangan kepada petani-petani ialah, jika tidak ada

satu rancangan bagi mengeringkannya segera, maka mungkin akan terlibat tanah-tanah yang berhampiran dengan kawasan itu. Datuk Yang Dipertua, saya mohon pihak Kerajaan mengadakan satu peruntukan segera bagi mengadakan satu saluran air ke Sungai Hutan Nibong bagi mengeringkan kawasan itu, serta juga saluran memuaskannya air; dengan ini saya yakin penuh keperluan-keperluan petani-petani kawasan itu dapat Kerajaan atasi.

Saya sungguh bersimpati dengan petani-petani di kawasan ini yang sungguh-sungguh berusaha memperbaiki nasib mereka. Baru-baru ini mereka telah dua kali bergotong-royong memburu tikus. Banyaklah tikus-tikus yang telah dibunuh di kawasan itu. Apa yang difahamkan lebih dari 10,000 tikus-tikus telah dibunuh. Tikus-tikus itu bersarang di kawasan ini pula—pada tempat yang diutarakan—kerana kawasan ini tidak dapat diusahakan menanam padi pada tiap-tiap musim. Saya yakin penuh bahawa jika kawasan ini telah dapat diusahakan maka bahaya tikus ini akan dapat dikurangkan dan kawasan ini akan dapat mengeluarkan hasil yang banyak untuk makanan rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya memohon sekali lagi supaya diambil berat dan rancangan ini hendaklah dijalankan dalam tahun ini juga.

Datuk Yang Dipertua, satu lagi yang saya ingin utarakan di dalam Dewan ini ialah, pencemaran air daripada kilang-kilang yang ada di negeri ini telah menjadi-jadi terutama sekali di kawasan Perai. Yang difahamkan ialah, di Sungai Juru pencemaran air menjadi-jadi sehingga segala ikan-ikan, hidup-hidupan di dalam air di Sungai Juru tidak dapat hidup dengan subur dan ini menambahkan kesusahan kepada nelayan untuk mencari makanan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Kawasan Penanti, Yang Berhormat sudah pergi ke lain pula. Tajuknya ialah Mukim 5 dan Paya Acung. Jadi bagaimana boleh sampai kepada pencemaran laut pula? Masa sudah cukup. Saya rasa setakat itu sahaja dapat saya benarkan.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Terima kasih, Datuk Yang Dipertua. Saya ucapkan terima kasih kerana saya telah diberi peluang berucap dalam ucapan penangguhan ini.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Datuk Speaker, saya suka hendak mengambil bahagian dalam ucapan tangguhan dan saya suka hendak membawa satu perkara kesusahan harian yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan Seberang Perai Selatan.

Telah sekian lama penduduk-penduduk Seberang Perai Selatan dicuailkan oleh Kerajaan Negeri dalam bentuk projek pembangunan, kemajuan dalam kehidupan sehari-hari, dan rancangan-rancangan untuk meninggikan taraf hidup mereka serta masalah pengangguran. Datuk Speaker, dalam beberapa hal, cara hidup penduduk-penduduk daerah ini tidak ada sebarang perubahan selama 10 tahun. Kawasan tapak perindustrian telah tidak dihaskan dalam daerah ini dan penduduk masih berada dalam kemunduran dan pada asasnya dipandang sebagai daerah luarbandar.

Datuk Speaker, mengharapkan tanah pertanian sebagai mata pencarian hidup, mereka hendaklah dibenarkan bergerak dengan aktiviti mereka dengan lebih bebas dan tidak terganggu serta tergugat kerana mereka tidak dapat mengikut satu jadual yang tertentu. Dalam daerah ini, buat beberapa waktu ini, Kerajaan telah mengenakan waktu berkurung dari jam 12 tengah malam hingga 5 pagi. Ini telah membawa pengurangan semua aktiviti dalam daerah ini dan kekurangan dalam hasil ekonomi.

Datuk Speaker, jika sekiranya keadaan keselamatan sangat *serious* hingga terpaksa mengenakan kawasan berkurung, maka orang ramai sudah sepatutnya diseru berkorban, tetapi jelas keadaan tidak sedemikian sekarang ini. Daerah ini telah dan masih bersih dari sebarang kejadian yang tidak diingini. Ianya sebuah daerah yang aman. Walaupun begitu pihak berkuasa telah tidak berbuat apa-apa

bagi menyemak semula keadaan berkurang dan penduduk-penduduk Seberang Perai Selatan dipaksa hidup dalam keadaan berkurang dan jadilah mereka orang-orang yang diabaikan dan dilupai.

Datuk Speaker, walaupun waktu berkurung dari 12 tengah malam hingga 5 pagi dikenakan atas beberapa pekan dan perkampungan, namun ianya telah menyebabkan semua pekan-pekan dalam kegelapan. Pekan-pekan yang mana dahulunya didatangi oleh pemandu-pemandu lori untuk makan dan minum dan singgah bermalam telah lengang sekarang ini. Pekan-pekan seperti Simpang Ampat dan Sungai Bakap telah lengang dan sunyi apabila malam tiba.

Disebabkan perintah berkurung, orang-orang yang menerima akibat yang paling teruk ialah peladang dan pekerja-pekerja yang membersihkan ladang-ladang. Mereka tidak dapat menjalankan pekerjaan mereka dengan bebas dan dengan lebih awal atau lambat sebagaimana mereka lakukan sebelumnya. Kita mestilah ingat bahawa kebanyakan peladang-peladang tidak tinggal di atas tanah masing-masing.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Tambun, panjang lagi-kah?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Tidak—sedikit. Pendek. Mereka ini tinggal agak berjauhan dari tanah mereka. Pekerja-pekerja dalam perkampungan terpaksa keluar bekerja lebih awal atas sebab perjalanan.

Memandang di atas sebab-sebab kurang keadilan yang sedang berturus dan ujudnya perintah berkurung dalam daerah ini, suka saya merayu, bagi pihak penduduk-penduduk Seberang Perai Selatan, kepada Kerajaan Negeri dan Pusat supaya mengkaji semula dengan segera atas masalah kawasan berkurung dalam daerah ini supaya penduduknya dapat hidup semula seperti biasa.

Datuk Speaker, sebagai langkah pertama, kecualikanlah perintah ber-

kurung di pekan-pekan dan perkampungan. Walaupun tidak dapat dimansuhkan perintah berkurung, memadai dengan mengurangkan waktu berkurung untuk kesenangan rakyat.

Terimakasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Datuk Speaker, saya ingin merayu bagi pihak pesawah-pesawah padi di Cherok To' Kun dan Kuala Tasek di kawasan Bukit Bertajam untuk bantuan Kerajaan supaya mengatasi masalah mereka, iaitu pertalian air yang tidak sesuai pada musim kemarau.

Datuk Speaker, di Cherok To' Kun terdapat lebih-kurang 200 ekar tanah padi yang semata-mata bergantung kepada air hujan untuk maksud pertalian. Pada musim kemarau, amatlah kekurangan air dan mempengaruhi penghasilan padi. Apakah boleh Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Pertanian menyelidik perkara ini serta rekomenkan langkah-langkah untuk mengatasinya? Di Kuala Tasek, lebih-kurang 30 ekar sawah padi tidak dapat air yang cukup pada musim kemarau, ataupun apabila pump yang ada di Sungai Junjong dirosakkan. Jabatan Parit dan Taliair, Bukit Mer tajam, telah merancang untuk menaikkan air di Sungai Junjong dengan menggunakan M.S. sheet piles, tetapi sampai masa sekarang projek itu belum dijalankan oleh kerana wang yang dikehendaki belum diterima oleh Jabatan Parit dan Taliair. Bagi pihak pesawah padi di Kuala Tasek saya ingin merayu pihak-pihak yang berkuasa mengambil tindakan yang perlu dengan secepat mungkin.

Datuk Yang Dipertua, perkara yang kedua ialah mengenai masalah tanah dan perumahan. Saya telah berulang-ulang kali menarik perhatian Dewan ini terhadap masalah tanah dan perumahan yang *serious* dalam negeri kita yang jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain masih tidak berapa besar. Akan tetapi, Datuk Speaker, saya ingin menarik perhatian anda terhadap beberapa plot tanah yang tidak diduduki di dalam dan di sekitar kampung-kampung baru yang bernama

Machang Bubuk, Permatang Tinggi, Berapit dan Juru di Seberang Perai. Setengah-setengah daripada tanah ini mungkin dalam peliharaan Kerajaan, akan tetapi yang lainnya, saya ingin minta Kerajaan supaya dibahagikan kepada plot-plot yang kecil serta digunakan untuk rancangan-rancangan perumahan. Walaupun tanah ini di dalam peliharaan Kerajaan untuk lain-lain tujuan, akan tetapi ianya dapat digunakan untuk jangkamasa yang singkat supaya tanah-tanah berkenaan, apabila diminta, dapat juga diserahkan kembali kepada Kerajaan.

Mengenai tanah swasta yang tidak diduduki ini, kecuali tuan tanah mempunyai rancangan-rancangan pembangunan yang tertentu, ada baiknya mereka menyewakan tanah yang tidak digunakan itu berdasarkan jangka-waktu yang singkat. Dengan demikian maka tidak akan terdapat tanah-tanah yang belum dipergunakan lagi, dan akan terdapat lebih banyak tanah untuk tujuan pertanian dan perumahan.

Datuk Speaker, mengenai pemindahan hak tanah, masih terdapat keadaan yang ganjil serta salah-tadbir yang mengakibatkan tanggungan yang tidak munasabah dan pembahagian tanah yang tidak adil. Dengan sesalnya saya menyatakan bahawa penerangan yang disediakan oleh pegawai-pegawai daripada berbagai-bagai Pejabat Tanah ini kadang-kadang tidaklah lengkap dan tidak pula betul. Oleh sebab pihak berkuasa negeri mendapat keterangan dan *recommendation* dengan bergantung kepada pegawai-pegawai tanah tempatan, akibatnya Kerajaan tidaklah dapat mencapai keputusan yang adil dan saksama. Datuk Speaker, rakyat memang tidak sukahati apabila permohonan mereka tidak berjaya; mereka akan lebih tidak sukahati apabila tanah-tanah diberikan kepada orang-orang yang tidak sepatutnya diberi tanah. Sukacita saya katakan bahawa Jawatankuasa Tanah Negeri di bawah pimpinan Ahli Yang Berhormat dari Datuk Keramat telah sedar sepenuhnya keadaan yang ganjil ini serta mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini. Mula-mula saya ingin mencadangkan ba-

hawa Jawatankuasa Tanah ada baiknya menarik perhatian terhadap masalah tanah di kampung-kampung baru di mana tanah sedang dipindahkan hak miliknya.

Suatu Jawatankuasa kecil yang terdiri daripada ahli-ahli yang terpilih dengan bersungguh-sungguh itu hendaklah ditubuhkan supaya dapat menjumpai rakyat di peringkat bawah untuk menyiasat dan *interview* setiap pemohon tanah. Kerajaan mungkin hendak mengambil keputusan mula-mulanya tanah mana yang dapat dibuka kepada permohonan orang ramai. Keutamaan atau *preference* hendaklah diberi kepada penduduk-penduduk kampung baru itu dan penduduk-penduduk yang tidak mempunyai tanah. Satu sistem bayaran beransur-ansur hendaklah diusahakan supaya dapat menolong kaum yang miskin dan mereka yang tidak mampu membayar.

Dengan ini, terimakasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, ucapan tanguhan saya ialah "Kecekapan Kejenteraan Kerajaan Bagi Menyediakan Kira-kira Jabatan "atau" Government Machinery For Preparation of Accounts of the Government Departments".

Datuk Yang Dipertua, inilah *machinery* Kerajaan ada rosak di sini dan di sana. Sebab itulah ada banyak perkara yang berbangkit di dalam Audit Report mengatakan tidak betul. *Machinery* ini sudah rosak. Sebagai contoh yang pertama, ialah di dalam tahun 1973 Kerajaan ada bagi Pesta Pulau Pinang \$130,000 bagi Jawatankuasa Pesta Pulau Pinang, tetapi dia ada bercakap di sini—dengan izin—that the control of expenditure exercised by the Pesta Committee was not satisfactory sebab kira-kira itu tidak ada Audit Report lagi. Di dalam tahun 1971, 1972 dan 7hb April 1975 kira-kira bagi Pesta Pulau Pinang tidak diberi untuk dibuat Audit Report. Ini adalah salah. Sudah 3 atau 4 tahun—sebab apa kira-kira Pesta Pulau Pinang tidak diberi untuk odit?

Contoh yang kedua ialah di sini *assessment votes* di dalam semua ma-

jlis-majlis daerah ada *arrears* yang tiap-tiap hari naik. Tentulah kita mahu ambil tindakan. *Arrears* sudah naik, jadi di mana sesuai kita tentu mahu ambil tindakan iaitu ambil balik *the arrears* atau *write it off*. Ini tentulah belum diambil tindakan lagi.

Contoh ketiga ialah, auditor ada berkata, dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris—cepat sedikit, saya tidak mahu buang masa ini—"There are still considerable delays in obtaining replies from Control Officers to audit queries and memoranda in 1973,"—this report was made in 1975—"especially in respect of those addressed to the State Secretariat, Land Officers and to the Public Works Department." Queries ini tidak dapat jawapan. Queries dibuat dalam tahun 1973, tahun 1975 belum dapat jawapan lagi. Inilah sangat salah, ini bukan kerja betul, kita tentu mahu beritahu itu Auditor-General tentang kesalahan itu.

Datuk Yang Dipertua, contoh kelima ialah di sini ada \$147,000 *for upkeep*. \$142,014.44 adalah bagi *taxi fees* bagi PATA Conference Workshop Committee dalam tahun 1972. Pada 7hb April, 1975, belum dapat kira-kira lagi, tetapi wang sudah dibelanjakan pada tahun 1972. Pada hari sekarang tidak ada kira-kiranya. *Machinery* Kerajaan tentu tak betul. Something is wrong somewhere. The brakes are going wrong or the petrol tank sudah pecah, saya tidak tahulah.

Contoh keenam, Datuk Speaker, ini berkenaan Pembangunan Perindustrian. Saya baca dalam Bahasa Inggeris:

"A decision as to whether development expenditure on industrial estates incurred by the State Government is to be claimed from P.D.C. has not yet been decided".

Itu satu perkara yang banyak lama tetapi belum selesai. Macamana P.D.C. mahu bayar balik atau tidak mahu bayar balik? Ini tentu mahu angkat satu keputusan tetapi, keputusan itu-pun tidak ada diambil. Tiap-tiap tahun it goes on. The Government may change—Kerajaan boleh bertukar. Lain

kali kalau Kerajaan bertukar, apa macam?

Contoh ketujuh ialah berkenaan Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat, Dia ada cakap tentang rekod-rekod berkenaan the control of animals under the Pawah system. Ahli Yang Berhormat, sebagai Chairman of animals—saya minta maaf—the record of this system was not very well kept. You distribute all these animals, tetapi rekod tidak ada. Also, the 1975 records were not prepared in respect of animals which were reported dead—Datuk Yang Dipertua, saya bukan mahu buang masa tetapi jikalau dari ketujuh-tujuh contoh ini kita tidak dapat keputusan, dan tidak boleh diselesaikan oleh Kerajaan, saya ingatlah Kerajaan tentu bertanggungjawab di atas orangramai membayar wang itu. Jawatankuasa Pesta Pulau Pinang tidak ada kira-kiranya: Jawatankuasa bagi PATA juga tidak ada kira-kiranya. Jawatankuasa bagi animals pun tidak ada kira-kira. Apa-apa kerja, sudah tentu *machinery* rosak—di mana saya-pun tidak tahu. Keputusan bagi *industrial development* tidak ada juga.

Datuk Yang Dipertua, saya haraplah Kerajaan boleh buat kira-kira betul-betul. Lain kali jika kita masuk Kerajaan kitapun boleh dapat kira-kira betul. Kita tidak mahu kira-kira salah bagi Kerajaan.

Terima kasih Datuk Speaker.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Yang Dipertua, saya mengambil bahagian menjawab ucapan penangguhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh.

Kerajaan Negeri amatlah sedar mengenai masalah setinggian-setinggian atas tanah Kerajaan dan juga peluang untuk mengadakan lebih banyak lagi rancangan-rancangan perumahan, bagi orang-orang yang berpendapatan rendah. Jumlah bilangan keluarga setinggian di atas tanah Kerajaan adalah dianggarkan dalam lingkungan 2,000 keluarga dan Kerajaan sedang giat mengkaji masaalah ini supaya dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengucapkan terima kasih kepada kelima-kelima Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam ucapan penangguhan dan saya mengaku, bagi pihak Kerajaan Negeri masaalah yang disebutkan oleh kelima-lima Ahli akan dipertimbangkan dengan teliti oleh Kerajaan Negeri.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.50.